



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 2, April 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Amalan Pengajaran Guru LINUS-Literasi

Arbiah Binti Maddahiri¹, Mohd Khairuddin Abdullah @ Jerry¹, Musirin Bin Mosin¹, Mohammad Haafiz Bin Ahmid¹, Hairi Binti Asul¹

¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Arbiah Binti Maddahiri (arbiamaddahiri@yahoo.com)

Abstrak

LINUS ialah program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sekolah rendah di seluruh Malaysia. LINUS ialah akronim kepada saringan Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Screening) yang bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan asas literasi dan numerasi murid-murid tahap satu. Kajian ini bertujuan untuk meninjau amalan pengajaran dari segi teknik guru yang mengajar LINUS-Literasi Bahasa Malaysia. Bersandarkan kepada Teori Behaviorisme dan Teori Jean Piaget, guru LINUS perlu berinovasi dengan menggunakan teknik pengajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan murid LINUS agar dapat membantu murid yang bermasalah dari segi menguasai kemahiran asas literasi. Pengumpulan data dilakukan melalui soalan temubual, analisis dokumen dan pemerhatian, penyelidikan ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif. Hasil kajian ini diharap dapat memberi input kepada guru yang mengajar LINUS-Literasi Bahasa Malaysia.

Kata kunci: LIUS-literasi, amalan pengajaran, teknik pengajaran

LINUS-Literacy Teaching Practices

Abstract

LINUS is a program implemented by the Ministry of Education Malaysia (MOE) in Primary schools through out Malaysia. LINUS is an acronym for Literacy and Numeracy Screening which aims to increase the level of basic literacy and numeracy Among Level One (Year 1) pupils. The purpose of this study is to examine the teacher's teaching practices of LINUS-Literacy in Bahasa Malaysia. Based on the Theory of Behaviorism and Theory of Jean Piaget, LINUS teachers need to be Innovative by utilizing techniques that match the LINUS pupils' ability in order to help The low ability pupils in mastering basic literacy skills. Data collection in this study Includes questionnaire, document analysis and observation; this research uses Qualitative approach. The results of this study are expected to provide in put to Teachers who are teaching LINUS-Literacy in Bahasa Malaysia.

Keywords: LINUS-literacy, teaching practice, teaching technique

Pengenalan

Dasar pendidikan negara sentiasa mengalami perubahan dalam usaha untuk memperkasakan mutu pendidikan di Malaysia. Proses pemerkasaan dilakukan berlandaskan dengan kehendak dan keperluan semasa selaras dengan aspirasi Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK). Perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia ini meliputi pelbagai bidang yang merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Malaysia telah meletakkan matlamat untuk mencapai taraf negara maju pada tahun 2020. Sasaran utama negara adalah menjadikan sektor pendidikan sebagai teras kepada pembangunan negara. Bagi melahirkan bakal-bakal professional dan berkemahiran tinggi, sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) mestilah bersesuaian dengan tahap perkembangan pelajar. Perkembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah melalui P&P yang berkesan (Nabilah Abu bakar, 2011).

Pada 27 Julai 2009, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang menampilkan enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Antaranya, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi pelajar di mana ianya adalah usaha permulaan dalam menambah baik kualiti sistem pendidikan. Fokus utama NKRA meliputi Literasi dan Numerasi (LINUS), Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Pendidikan Prasekolah. Aspirasi NKRA ialah memberi penekanan kepada peningkatan pencapaian pelajar secara menyeluruh meliputi aspek intelektual, emosi, rohani dan jasmani (Teks Ucapan YAB Tan Sri Muhyiddin Hj Mohd Yassin dalam Majlis Perasmian Persidangan Baru Dalam Pendidikan 2010-2012 dalam Nabilah Abu Bakar, 2011).

Program LINUS merupakan satu program kesinambungan daripada program sedia ada yang dirancang dengan lebih teliti dan sistematik. KPM telah menyasarkan bahawa semua murid yang tiada masalah dalam pembelajaran harus berkeupayaan untuk menguasai asas literasi dan numerasi sebelum berakhir persekolahan tahap 1 (KPM NKRA, 2011). Sehubungan dengan itu, program LINUS bermula pada tahun 2010 bagi murid-murid tahun satu dan merupakan mandat di bawah agenda NKRA. Menurut program ini, setiap murid perlu menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi tahap 1. Dengan pelaksanaan program LINUS, murid-murid akan diberi perhatian oleh pihak sekolah untuk menguasai kemahiran literasi. Melalui program ini juga, guru-guru memperoleh pengalaman dan strategi yang baharu dalam menangani murid-murid yang ada masalah pembelajaran menerusi kursus dan modul LINUS (Nazafiyah Sani, 2014).

Objektif Kajian

Objektif kajian ialah sebarang pernyataan hasrat penyelidik melakukan kajian dan merupakan aspek penting dalam kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenalpasti bagaimana keberkesanan teknik latih tubi yang digunakan dalam amalan pengajaran guru LINUS-Literasi dapat membantu murid LINUS menguasai kemahiran literasi Bahasa Malaysia.

Amalan Pengajaran

Amalan pengajaran yang berkesan berfungsi untuk menghasilkan pembelajaran yang efektif dalam bilik darjah dan pelajar hendaklah dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran. Amalan pengajaran juga dikaitkan dengan sikap kreatif guru yang mana bukan hanya merancang pengajaran, bahkan juga meliputi aspek kreativiti semasa proses pengajaran. Amalan ini penting kerana ia akan menentukan daya tarikan minat pelajar untuk menumpukan perhatian dalam pembelajaran. Ngali (1990) dalam Mohd Aderi Che Noh (2009) berpendapat bahawa punca pelajar hilang tumpuan semasa belajar adalah disebabkan oleh cara guru menerangkan dan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan. Oleh itu, usaha harus dilakukan agar suasana amalan pengajaran yang kreatif dapat diwujudkan semasa proses pengajaran berlaku dalam bilik darjah.

Salah satu tanggungjawab sebagai seorang guru ialah memperbaiki mutu pengajarannya supaya lebih berkesan. Menurut Azizi Yahya, Jamaludin Ramli dan Abdul Latif Ahmad (2007), seseorang guru perlu memikirkan kaedah pengajarannya yang sesuai untuk membantu murid menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam pembelajaran mereka. Selain memperbaiki kaedah pengajaran guru LINUS-Literasi Bahasa Malaysia juga perlu melengkapkan diri dengan aspek-aspek persediaan lain dalam meningkatkan mutu pengajaran seperti memperkayakan diri dengan kemahiran dan strategi meningkatkan ilmu pengetahuan iaitu memperkasakan ilmu berkaitan bidang pengajaran. Berdasarkan kenyataan tersebut, ternyata amalan pengajaran memainkan peranan penting bagi memastikan kualiti dalam pengajaran dan pencapaian prestasi yang cemerlang di kalangan murid LINUS (Norismayati Aida Idris, Amida Sarudin, Mohd Rashal Md. Idris, 2013).

Pengajaran guru juga hendaklah dirancang di samping memberi pertimbangan kepada kepelbagaian pelajar dan pelajar hendaklah dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran. Pengajaran guru juga hendaklah dirancang di samping memberi pertimbangan kepada kepelbagaian pelajar (Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi, 2009). Oleh kerana ilmu pengajaran sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, maka konsep pengajaran juga berubah mengikut perkembangannya. Pada masa kini, banyak kajian terhadap teori pengajaran berlandaskan psikologi perkembangan kanak-kanak, objektif pendidikan serta kurikulum sekolah, konsep pengajaran adalah lebih tepat sebagai sains pengajaran yang melibatkan kajian ke atas amalan pengajaran dari segi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dengan tujuan mendapat hasil pengajaran yang berkesan. (Mok, 2013).

Hasil kajian terdahulu menunjukkan bahawa amalan guru di dalam kelas semasa pengajaran mempunyai kaitan rapat dengan pencapaian pelajar dalam pelajaran tersebut (Brophy dan Good, 1986; Brophy, 1997). Dalam kajian yang sama, Brophy dan Good mendapati bahawa pembelajaran pelajar adalah optimum apabila guru mengutamakan penyampaian isi pelajaran pada sepanjang masa pengajaran, menyediakan aktiviti pembelajaran sesuai dengan aras kebolehan murid dan sentiasa mengekalkan momentum kadar penyampaian pengajaran. Selain itu, mereka juga mendapati bahawa pembelajaran pelajar adalah paling efisien apabila guru mengaitkan isi pelajaran yang akan disampaikan dengan jelas, memantau tahap kefahaman pelajar dan memberikan maklumbalas yang secukupnya terhadap tugas yang diberi.

Mohd Azlan dan Yahya (2009) dalam Habib Mat Som dan Baharudin Saleh (2012) berpendapat bahawa situasi sebenar yang berlaku dalam bilik darjah adalah sikap guru-guru yang menggunakan amalan pengajaran konvensional dan pengajaran secara kaedah kuliah. Manakala Burden & Byrd (1994) dan Graaff & Klomos (2003) berpendapat bahawa amalan pengajaran guru dipengaruhi oleh perubahan teknologi, kehendak masyarakat, perubahan persekitaran, budaya di sekolah dan keupayaan pelajar yang diajar. Tetepi Shulman (1996) berpendapat penguasaan guru terhadap isi kandungan pengajaran memberi kelebihan dalam pemilihan amalan yang sesuai dan berkesan semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah.


Metodologi

Bagi menjawab persoalan kajian, pendekatan kajian kualitatif sesuai dalam kajian ini. Pengkaji melihat pelaksanaan amalan pengajaran guru yang mengajar LINUS-Literasi Bahasa Malaysia sebagai satu fenomena yang perlu difahami (Van Maanen, 1983). Maksud realiti dan situasi sebenar yang dibina oleh individu tersebut ialah pengalaman, pengetahuan, perasaan, nilai, sikap dan kepercayaan guru LINUS-Literasi terhadap proses penlaksanaan pengajaran program LINUS ini (Burke dan Larry, 2008).

Kajian ini menjelaskan secara terperinci proses yang berlaku semasa pelaksanaan program LINUS iaitu menghidu masalah, mengetahui situasi atau masalah, pencarian masalah sehingga perlu dikaji, mendefinisikan masalah atau masalah benar-benar wujud berdasarkan data dan fakta. Fokus yang ingin diketahui ialah bagaimana pelaksanaan amalan pengajaran guru LINUS dapat memastikan murid-nurid tahun 1 di sekolah rendah menguasai kemahiran literasi Bahasa Malaysia.

Gabungan data yang diperoleh daripada kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen menyumbang kepada gambaran lengkap proses pelaksanaan Program LINUS di lima buah sekolah rendah di Sabah. Menerusi temu bual yang mendalam dengan responden, pengkaji melaporkan realiti seperti yang mereka nyatakan, mempersembahkan tema serta melengkapkan bukti untuk tema-tema tersebut (Clarke, 1998). Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes di lima buah sekolah sesuai untuk mengkaji isu pendidikan yang melibatkan proses pelaksanaan kerana membantu melihat situasi sebenar secara mendalam (Stake, 1997).

Temu bual dikendalikan kepada guru LINUS-Literasi Bahasa Malaysia di sekolah rendah di Sabah. Soalan temu bual dibina berdasarkan teori, model dan konstruk-konstruk utama dalam kajian ini. Fokus pengkaji ialah menganalisis pelaksanaan amalan pengajaran di lima buah sekolah terpilih. Rasional pemilihan lima buah sekolah rendah di Sabah sebagai lokasi kajian kerana kadar literasi yang paling kritikal (KPM, 2011). Oleh itu, kajian perlu dijalankan untuk melihat bagaimana amalan pengajaran guru di sekolah tersebut. Data kualitatif diperlukan untuk mendapatkan maklumat dengan memberi responden peluang meluahkan pendapat secara bebas menerusi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kombinasi antara tiga peringkat kajian ini membentuk model kajian seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.




Rajah 1 : Model ODI Kajian

Prosedur kajian yang berasaskan kepada Model ODI ini dijelaskan lagi dengan merujuk kepada rajah 2 seperti berikut:

Kajian ini berperanan untuk mengkaji dan meneliti amalan pengajaran guru LINUS-Literasi Bahasa Malaysia di sekolah rendah di Sabah. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan memilih kaedah pengumpulan data triangulasi melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Menurut Bogdan dan Biklen (1992), kajian kualitatif melibatkan satu interpretasi, pendekatan naturalistik kepada dunia sebenar, mencuba untuk memberi makna dalam Bahasa yang boleh diekspresikan. Pengkaji berpeluang bertemu sendiri secara langsung dan berinteraksi dengan responden. Selari dengan persoalan kajian yang bermula dengan bagaimana, penyelidik dapat mencari jawapan dengan meneroka responden dalam suasana dan tempat yang semula jadi dan dapat menghuraikan pelbagai realiti berdasarkan latar belakang sosial sebenar (Richards dan Morse, 2007).



Rajah 1 : Model ODI Reka Bentuk Kajian

Bagi Denzim dan Lincoln (2005), penyelidikan kualitatif mengkaji latar belakang semula jadi, berusaha merasionalkannya dan seterusnya menterjemahkan makna yang disampaikan dalam bentuk yang dapat difahami. Merriam (1998) menyokong kenyataan ini dan berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mencari pengertian dan kefahaman bagaimana individu itu berhadapan dengan kehidupan, pengalamannya dan bagaimana ia menstruktur kehidupan sosialnya. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji bagaimana amalan guru LINUS dalam pengajaran LINUS-Literasi Bahasa Malaysia melalui pengalaman sebenar guru-guru yang menjadi informan.

Bagi Richards dan Morse (2007), terdapat empat faktor pendekatan kualitatif khususnya menggunakan kaedah fenomenologi yang wajar digunakan. Faktor pertama ialah kaedah ini cuba mencari jawapan yang mendalam, maka pendekatan kualitatif melibatkan bilangan responden yang kecil. Faktor kedua adalah untuk mempelajari bagaimana dan mengapa manusia berfikir dan memahami sesuatu perkara. Faktor ketiga ialah kaedah ini melihat struktur dan proses dan faktor keempat melibatkan penerokaan sesuatu konteks bukannya pengesahan atau penilaian ke atas tindakan. Pendekatan kualitatif dianggap mempunyai beberapa kekuatan kerana fokus kajian ialah untuk menjawab soalan mengapa dan bagaimana (Bogdan dan Biklen, 2007; Merriam 1998; 2002; Taylor dan Bogdan, 1998).

Merriam (1998) turut menyatakan tumpuan utama kajian kualitatif adalah untuk memahami fenomena dari perspektif dalaman responden bukannya perspektif pengkaji. Dalam kajian ini, penyelidik berpeluang membuat pemerhatian dengan rasa empati kerana penyelidik adalah instrumen utama (Lincoln dan Guba, 2000; Yin, 1994). Dalam kajian ini, penyelidik dapat bertindak sebagai alat

penyelidikan serta berkeupayaan memahami perlakuan manusia, menggunakan pengalaman dan pengetahuan untuk meneliti dan menelaah tentang apa-apa yang dikaji dengan lebih bermakna (Marohaini Mohd Yusoff, 2001). Selain itu, pengkaji juga mampu mengubahsuaikan teknik-teknik berasaskan kepada keadaan dengan mengambil kira suasana keseluruhan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan kajian ini mematuhi beberapa langkah iaitu mengenal pasti responden kajian dan lokasi kajian menggunakan statistik pencapaian LINUS daripada JPN Negeri Sabah dan merangka soalan temu bual. Dengan menggunakan teknik pengajaran yang betul, seseorang guru boleh menghasilkan P&P yang berkesan di dalam bilik darjah. Pemilihan teknik yang sesuai dalam P&P boleh membantu guru terutama dalam matapelajaran Bahasa Malaysia.

Kaedah kajian yang digunakan seperti yang telah dijelaskan dan kajian ini adalah secara kualitatif. Prosedur menjalankan kajian adalah penting bagi memastikan kesahan dapatan kajian tepat. Informan yang terlibat merupakan 10 orang guru yang mengajar LINUS-Literasi Bahasa Malaysia. Dengan adanya responden ini, akan dapat membantu pengkaji untuk membuat pemerhatian secara sistematik agar dapatan yang diperolehi mampu menyelesaikan kehendak kajian ini dengan berkesan.

Rujukan

- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam dan Saedah Siraj. (2011). Cabaran Guru Program LINUS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 34, 37-51.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim dan Shamsudin Othman. (2012). Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid PROBIM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Humaizah Hashim. (2012). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun Dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 129-140.
- Abdull Sukor Shaari dan Kaladevi A/P Aplanaidu. (2012). Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihan Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 94-105.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Adenan Ayob, Kamariah Abu Bakar, Zakaria Kasa dan Aida Suraya Md Yunus. (2011). *Multimedia dan Pengajaran Bahasa Melayu*. Selangor. Penerbit Emeritus Publications.
- Azura Ishak, Zakaria Kasa, Mohd Hasan Selamat dan Bahaman Abu Samah. (2009). Perbandingan Pengajaran Berasaskan Multimedia dan Tradisional Ke Atas Pencapaian Matematik dan Sikap Matematik Di Kalangan Pelajar Berisiko. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*, 5, 79-89.
- Hasnalee Tubah dan Zulkifley Hamid. (2011). Pengaruh Demografi Terhadap Kemahiran Membaca dan Memahami Dalam Kalangan Murid-Murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6, 29-47
- Habib Mat Som dan Baharudin Saleh. (2012). Profil Amalan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Kompetensi Di Sekolah Menengah Vokasional. *Jurnal Pendidikan Bitara*, 5, 1-16.
- Husin Fateh Din dan Nazariyah Sani. (2014). *Literasi Bahasa Melayu*. Edisi Kedua. Selangor Darul Ehsan. Penerbitan Multimedia. Sdn. Bhd.
- Iskandar Wiryokusumo. (2009). Behaviorisme, Kognivisme dan Konstruktivisme: Teori Belajar dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran. *Prospectus*, VII(2).
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan Dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan Kualitatif. Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan Kualitatif. Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Naimah Yusoff, Nor Hashimah hashim dan Hashim Othman. (2011). *Kemahiran Bacaan Awal Bahasa Melayu Prasekolah*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Penerbit McGraw-Hil Education (Malaysia). Sdn. Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad dan Wan Kamaruddin Wan Hasan. (2012). *Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Edisi Kemas Kini. Selangor. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nor Ilyani Harun, Ahmad Fauzi Mohd. Ayub dan Fadzilah Ab. Rahman. (2012). Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 31-42.
- Othman Lebar. (2008). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Mohamed. (2008). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Selangor. Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Program LINUS Tahap 1 Sekolah Rendah. NKRA LINUS 2.0*. Kuala Lumpur.
- Rasid Mail dan Raman Noordin. (2014). *Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif*. Kota Kinabalu. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Reemind Horizons Sdn. Bhd.
- Roslee Talip dan Mohd Saifullah Md Sabri. (2013). *Penggunaan Aplikasi Google Earth dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar Matapelajaran Geografi Di Sekolah Menengah*. Seminar Pendidikan Sejarah Dan Geografi. Universiti Malaysia Sabah.
- Sarifah Hassan dan Rosnita Hamid. (2014). *Keberkesanan Pengajaran Pengimbuhan Di Sekolah Rendah*. Seminar Bahasa Melayu. Sekolah Rendah Greendale.
- Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali. (2011). Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-15.
- Sufean Hussin. 2009. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia-Teori dan Analisa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat. (2011). Faktor dan Kesan Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 89-107.
- Tamam Timbang, Zamri Mohamod, Nik Mohd Rahim Nik Yusoff dan Jamaluddin Badlishah. (2010). Masalah Membaca Murid-Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 77-85.
- Tiong Leh Ling dan Zaidatun Tasir. (2010). Pendekatan Pembelajaran Kemahiran membaca Menerusi Lagu dan Muzik Berasaskan Komputer Bagi Murid Tahun Satu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 35-51.
- Titin Nurhidayati. (2012). Implementasi teori belajar Ivan Petrovich Pavlov (Classical Conditioning) dalam Pendidikan. *Jurnal Falasifa*, 3(1), 23-43.
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Puchong. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Vincent Pang dan Denis Lajium. (2014). *Penilaian Dalam Pendidikan*. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah.
- Yahya Othman. (2007). *Mengajar membaca: Teori Dan Aplikasi Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. Edisi kedua. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman, Aisah Md. Daud, Azmey Othman, Dk. Siti Ardiah Pg. Mohiddin dan Maszuraimah Muizz Sulaiman. (2012). Pelaksanaan Pengajaran Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah Di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 93-109.

- Yeap Keng Leng. (2000). Kajian Kualitatif: Satu Pengenalan. Edisi Penyelidikan. *Jurnal Keningau*, 3, 25-27.
- Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.